



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
UNTUK SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA SIRI 10/2023**

Ekonomi Malaysia Berkembang Sederhana Meskipun Ketidaktentuan Global

PUTRAJAYA, 31 Oktober 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 10/2023**. Edisi kali ini memfokuskan statistik terkini yang diterbitkan bagi bulan Ogos 2023 dan beberapa statistik akan datang bagi bulan September 2023. Artikel yang dimuatkan dalam edisi kali ini bertajuk "Indeks Harga Pengeluar dan Indeks Harga Pengguna: Hubungan antara Makanan di Rumah dan Makanan Pengguna Siap di Malaysia" yang meneroka hubungan antara Indeks Harga Pengeluar (IHPR) dan Indeks Harga Pengguna (IHP) di Malaysia, khususnya memfokuskan kepada hubungan antara dua komponen: "Makanan di Rumah" dan "Makanan Pengguna Siap".

Anggaran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Awalan Malaysia mencatatkan pertumbuhan 3.3 peratus tahun ke tahun pada suku tahun ketiga 2023, melepasi pertumbuhan 2.9 peratus tahun ke tahun yang direkodkan pada suku tahun kedua 2023. Pertumbuhan tersebut didorong oleh sektor Perkhidmatan yang kekal sebagai pemacu utama keseluruhan prestasi ekonomi pada suku tahun tersebut.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Menilai landskap ekonomi negara pada Ogos 2023, sektor Perdagangan Borong & Runcit Malaysia mencapai nilai jualan sebanyak RM142.5 bilion, mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 6.7 peratus. Peningkatan ini disumbangkan oleh sub-sektor Perdagangan Borong, meningkat 6.2 peratus atau RM3.7 bilion untuk merekodkan RM63.9 bilion. Sektor Perdagangan Runcit mengekalkan momentum positif, tumbuh 6.3 peratus, bersamaan dengan RM3.6 bilion yang memberangsangkan, mencapai RM60.5 bilion. Begitu juga, industri Kenderaan Motor mengalami peningkatan yang ketara, dengan kenaikan sebanyak 9.7 peratus, iaitu RM1.6 bilion, menjadikan jumlahnya RM18.1 bilion."

Walau bagaimanapun, Indeks Pengeluaran Industri (IPP) Malaysia menunjukkan trend penurunan iaitu merosot 0.3 peratus berbanding pertumbuhan positif 0.7 peratus yang ditunjukkan pada bulan sebelumnya. Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh

penguncupan dalam sektor Pembuatan yang menyusut 0.6 peratus. Prestasi output Pembuatan terutamanya dipengaruhi oleh penurunan yang berterusan dalam industri berorientasikan eksport, yang berkurang 2.6 peratus pada Ogos 2023 (Julai 2023: -2.7%). Sebaliknya, industri berorientasikan domestik terus berkembang, walaupun pada kadar sederhana 4.2 peratus (Julai 2023: 6.0%). Sementara itu, nilai jualan sektor Pembuatan menunjukkan penguncupan yang berterusan 3.3 peratus (Julai 2023: -3.0%) disebabkan oleh sub-sektor Petroleum, kimia, getah & plastik, yang menyusut 12.1 peratus.

Meneliti dari sudut harga, kadar inflasi Malaysia pada Ogos 2023 kekal stabil pada 2.0 peratus, sama seperti kadar pertumbuhan pada Julai 2023. Ini terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam Restoran & Hotel, berkurang daripada 5.0 peratus pada Julai kepada 4.7 peratus. Selain itu, terdapat sedikit penurunan dalam kadar inflasi bagi Makanan & Minuman Bukan Alkohol (4.1% berbanding 4.4% pada Julai 2023), serta Pelbagai Barangan & Perkhidmatan yang juga menyederhana kepada 2.4 peratus. Inflasi Malaysia terus mereda kepada 1.9 peratus pada September 2023 dengan mata indeks direkodkan pada 130.8 daripada 128.3 pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia menguncup 1.8 peratus pada Ogos 2023, , lebih rendah daripada penguncupan 2.3 peratus pada Julai 2023. Namun begitu, IHPR menunjukkan peningkatan marginal 0.2 peratus pada September 2023.

Prestasi perdagangan Malaysia menunjukkan kemerosotan yang ketara pada Ogos 2023. Jumlah dagangan menyusut 19.8 peratus, menurun daripada RM265.8 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM213.0 bilion. Eksport merosot 18.6 peratus, berjumlah RM115.2 bilion, manakala import menyusut 21.2 peratus, berjumlah RM97.9 bilion. Walaupun begitu, lebihan dagangan meningkat sedikit 0.1 peratus daripada tahun sebelumnya, mencapai RM17.3 bilion. Bagi bulan September 2023, jumlah dagangan terus menyusut, menurun 12.6 peratus tahun ke tahun kepada RM224.4 bilion. Eksport menyusut sebanyak 13.7 peratus kepada RM124.5 bilion, manakala import merosot sebanyak 11.1 peratus kepada RM100.0 bilion. Oleh itu, lebihan dagangan menguncup sebanyak 23.0 peratus berbanding tahun sebelumnya, mencapai RM24.5 bilion.

Berdasarkan prestasi positif situasi buruh di Malaysia, bilangan penduduk pekerja meningkat 2.1 peratus, mencecah seramai 16.35 juta pada Ogos 2023 berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya (Ogos 2022: 16.02 juta orang). Jumlah tenaga buruh juga mengalami peningkatan 1.8 peratus tahun ke tahun, berjumlah 16.93 juta orang. Oleh itu, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) menunjukkan peningkatan, bertambah 0.4 mata peratus tahun ke tahun kepada 70.1 peratus, manakala kadar pengangguran menurun 0.3 mata peratusan untuk mencapai 3.4 peratus.

Merumuskan kenyataannya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata "Indeks Pelopor (IP) menunjukkan isyarat peningkatan, dengan penguncupan yang lebih kecil 0.5 peratus, mencapai 109.7 mata pada Ogos 2023. Ini menunjukkan prospek yang lebih baik daripada bulan sebelumnya, yang mana menyusut 1.0 peratus iaitu pada 108.9 mata pada Julai 2023. Menganalisis trend bulanan, IP memulih kukuh dengan mencatatkan positif 0.7 peratus pada bulan Ogos 2023 berbanding negatif 0.8 peratus pada Julai 2023. Kadar pertumbuhan IP terlicin Ogos 2023 kekal di bawah aliran 100.0 mata, menjangkakan ekonomi Malaysia akan terus menyederhana disebabkan oleh ketidaktentuan ekonomi global walaupun permintaan domestik kukuh."

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
31 OKTOBER 2023**



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW VOL. 10/2023**

Malaysia's Economy Grows Moderately Despite Global Uncertainties

PUTRAJAYA, 31st October 2023 – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR) Vol. 10/2023**. This edition focuses on the recent statistics released in August 2023 and some forthcoming statistics for September 2023. The featured article titled “Producer Price Index and Consumer Price Index: Relationship between Food at Home and Finished Consumer Foods in Malaysia” in this edition explores the correlation between the Producer Price Index (PPI) and Consumer Price Index (CPI) in Malaysia, specifically focusing on the relationship between two components: “Food at Home” and “Finished Consumer Foods”.

The Advance Estimate of Malaysia's Gross Domestic Product (GDP) showed a year-on-year (y-o-y) growth of 3.3 per cent in the third quarter of 2023, surpassing the 2.9 per cent y-o-y growth recorded in the second quarter of 2023. The growth was propelled by the Services sector, which remained the key driver of the overall economic performance during the quarter.

Chief Statistician Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “Assessing the country's economic landscape in August 2023, Malaysia's Wholesale & Retail Trade sector achieved a noteworthy sales value of RM142.5 billion, marking year-on-year growth of 6.7 per cent. The increase was attributed to Wholesale Trade sub-sector, which rose 6.2 per cent or RM3.7 billion to register RM63.9 billion. The Retail Trade sector sustain the positive momentum, surging by 6.3 per cent, equivalent to an impressive RM3.6 billion, reaching a total of RM60.5 billion. Similarly, the Motor Vehicle industry experienced a notable upswing, with a 9.7 per cent increase, amounting to RM1.6 billion, bringing the total to RM18.1 billion.

Nevertheless, Malaysia's Industrial Production Index (IPI) exhibited a downward trend, experiencing a 0.3 per cent decline, in contrast to the positive 0.7 per cent growth observed in the preceding month. This decline was primarily attributed to a contraction within the Manufacturing sector, which saw a decrease of 0.6 per cent. The performance

of Manufacturing output was mainly influenced by the continuous decline in export-oriented industries, which decreased by 2.6 per cent in August 2023 (July 2023: -2.7%). On the contrary, domestic-oriented industries continued to expand, albeit at a moderate rate of 4.2 per cent (July 2023: 6.0%). In the meantime, sales value of the Manufacturing sector witnessed a continuous decrease of 3.3 per cent (July 2023: -3.0%) backed by the Petroleum chemical, rubber & plastic sub-sector, which dropped 12.1 per cent.

Examining the prices standpoint, Malaysia's inflation rate in August 2023 held steady at 2.0 per cent, mirroring the growth rate observed in July 2023. This was primarily attributed to the decline in the Restaurants & Hotels, decreasing from 5.0 per cent in July to 4.7 per cent. Additionally, there was a slight decline in the inflation rates for Food & Non-Alcoholic Beverages (4.1% compared to 4.4% in July 2023), as well as Miscellaneous Goods and Services, which moderated to 2.4 per cent. Malaysia's inflation slower further to 1.9 per cent in September 2023 with the index points recorded at 130.8 from 128.3 in the same month of the previous year. Meanwhile, Malaysia's Producer Price Index (PPI) contracted 1.8 per cent in August 2023, narrowing its contraction of 2.3 per cent in July 2023. Nevertheless, there was a modest uptick in the PPI by 0.2 per cent in September 2023.

Malaysia's trade performance saw a significant downturn in August 2023. Total trade plummeted by 19.8 per cent, decreasing from RM265.8 billion in the previous year to RM213.0 billion. Exports experienced an 18.6 per cent decline, amounting to RM115.2 billion, while imports dropped 21.2 per cent, totalling RM97.9 billion. Despite this, the trade surplus saw a slight increase of 0.1 per cent from the previous year, reaching RM17.3 billion. Moving into September 2023, total trade further contracted, dropping by 12.6 per cent year-on-year to RM224.4 billion. Exports decreased by 13.7 per cent to RM124.5 billion, while imports fell by 11.1 per cent to RM100.0 billion. Consequently, the trade surplus fell by 23.0 per cent as compared to the previous year, reaching RM24.5 billion.

On a positive note of the labour situation in Malaysia, the number of employed persons rose by 2.1 per cent, reaching a total of 16.35 million in August 2023 as compared to the same period in the preceding year (August 2022: 16.02 million persons). The total labour force also experienced a 1.8 per cent year-on-year increase, amounting to 16.93 million persons. Consequently, the labour force participation rate (LFPR) showed improvement, rising by 0.4 percentage points y-o-y to 70.1 per cent, while the unemployment rate decreased by 0.3 percentage points to reach 3.4 per cent.

In his concluding remarks, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said "The Leading Index (LI) showed signs of improvement, with a contraction that narrowed by 0.5 per cent, reaching 109.7 points in August 2023. This indicates a positive shift from the previous month, where it experienced a decline of 1.0 per cent, resting at 108.9 points in July 2023". Analysing the monthly trends, the LI exhibited a negative 0.8 per cent performance in July

2023. However, it rebounded by registering a positive 0.7 per cent in the reference month. As of August 2023, the smoothed LI continued to trail below the 100.0 points trend, anticipating that the Malaysian economy will remain moderate following global economic uncertainties albeit strong domestic demand.”

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. “Agriculture Census, Key to Agriculture Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
31st OCTOBER 2023